

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGAA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan lot dan keluasan tanah-tanah wakaf yang didaftarkan oleh Jabatan Agama mengikut negeri sehingga kini dan perincian perancangan pembangunan serta status pelaksanaan projek-projek pembangunan di tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) adalah bertanggungjawab untuk mendaftarkan

semua tanah wakaf di negeri masing-masing kerana MAIN merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua tanah wakaf.

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada MAIN, jumlah keluasan tanah wakaf di seluruh Negara adalah sebanyak 11,091.82 hektar yang terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas. Perincian projek di atas tanah wakaf yang dibangunkan oleh JAWHAR dengan kerjasama MAIN negeri adalah sebanyak 17 projek, dimana 15 buah projek pembangunan tersebut telah siap dan beroperasi. Manakala dua (2) projek fizikal lagi masih dalam pembinaan.

Sekian, terima kasih